

Headline	PENDEKATAN EKONOMI PUSAT-PUSAT ZAKAT MALAYSIA		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	1,33	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	842 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,850
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,551



33

Headline	PENDEKATAN EKONOMI PUSAT-PUSAT ZAKAT MALAYSIA		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	1,33	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	842 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,850
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,551



ZAKAT PULAU PINANG
MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG
No.4, Jalan Perda Selatan,
Bukit Bender, 14000 Bukit Mertajam.

PENDEKATAN EKONOMI PUSAT-PUSAT ZAKAT MALAYSIA



Pusat-Pusat Pengurusan Zakat berpegang kepada keyakinan bahawa memberi "joran", mengajar menggunakan "joran" dan memberitahu di mana "joran" tersebut patut digunakan adalah lebih baik daripada hanya memberi "ikan". Maksudnya, adalah lebih baik memberi alat, kemahiran dan strategi menggunakanannya kepada asnaf untuk mereka gunakan dalam membangunkan ekonomi mereka sendiri masing-masing, daripada hanya memberi benda yang bersifat pakai habis.

Dalam banyak-banyak agihan zakat, agihan berbentuk ekonomi adalah antara yang dominan. Ia boleh membawa asnaf keluar daripada golongan itu, berbanding dengan agihan berbentuk sara diri dan kebajikan yang bersifat 'pakai habis'.

Dengan perkataan lain, agihan berbentuk ekonomi boleh menjana pendapatan asnaf secara produktif dan berganda, manakala agihan berbentuk sara diri dan kebajikan hanya mampu menuhi keperluan asas para asnaf.

Peroalaninya, bagaimanakah pendekatan Pusat-Pusat Pengurusan Zakat di Malaysia terhadap pembangunan ekonomi asnaf ini?

Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah mengambil inisiatif untuk mencari jawapan kepada persoalan ini dengan melakukan penyelidikan yang dipimpin oleh salah seorang Ahli Lembaga Penyelidikannya sendiri.

Ahli-ahli penyelidiki bagi penyelidikan bertajuk Pendekatan Ekonomi Pusat-Pusat Pengurusan Zakat di Malaysia ini pula terdiri daripada sekumpulan pensyarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. Dapat daripada penyelidikan ini diharapkan dapat menjadi asas kepada pembinaan pendekatan ekonomi ZPP yang lebih inovatif dan berkesan.

Dapatkan daripada penyelidikan ini menunjukkan terdapat sekurang-kurangnya tiga bentuk pendekatan ekonomi Pusat-Pusat Pengurusan Zakat di Malaysia. Pertama ialah pendekatan ekonomi yang dilakukan sendiri oleh Pusat-Pusat Zakat masing-masing.

Kedua, pendekatan ekonomi yang dilakukan secara kerjasama antara sesama Pusat-Pusat Pengurusan Zakat tersebut. Ketiga, pendekatan ekonomi yang dilakukan secara kerjasama antara Pusat-Pusat Pengurusan Zakat dengan agensi-agensi Kerajaan dan swasta.

Dalam pendekatan yang per-

tama, Pusat-Pusat Pengurusan Zakat merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi dalam kalangan asnaf mereka dengan memberi latihan, kemahiran, bimbingan, modal, peralatan, dan sebagainya. Matlamatnya ialah untuk menjadikan para asnaf (mustahik) ini usahawan yang mampu menjana pendapatan dan akhirnya bertukar menjadi pem-bayar zakat (muzakkir).

Dalam bentuk kedua pula,

Pusat-Pusat Pengurusan Zakat ini bekerjasama antara satu sama lain merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi untuk asnaf mereka. Antara yang menarik ialah kerjasama yang dilakukan Lembaga Zakat Selangor (LZS) dengan Pusat Zakat Kelantan (di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan), dan kerjasama LZS dengan Zakat Perlis (di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis).

Dalam kerjasama ini, Pusat Zakat Kelantan dan Zakat Perlis menyediakan tanah di negeri masing-masing untuk mengumpulkan asnaf dan menjalankan aktiviti pertanian secara berkelompok, manakala LZS menyediakan modal dan keparakan, di samping memberikan bantuan, bimbingan dan kemahiran bersama dengan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Dalam pendekatan yang ketiga, Pusat-Pusat Pengurusan Zakat di Malaysia bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan swasta. Antara agensi Kerajaan yang terlibat ialah Kementerian Wanita dan Keluarga, Jabatan Kemajuan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Kemas), Majlis Amanah Rakyat (Mara), SIRIM, Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi), Unit Rancangan Ekonomi Negeri (Upen), Yayasan Dakwah

Islamiah Malaysia (Yadim), Lemba-pemasaran Pertanian Perserikatan (Fama), Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE), Kolej Komuniti dan Institusi Pengajian Tinggi seperti Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dan Universiti Teknologi Mara (UITM), dan Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah Darul Aman (KISMEC).

Antara agensi swasta yang terlibat pula ialah Akademik Binaan Malaysia (ABM), Sime Darby (Automotif), UEM Berhad Group, SekataRakyat, Aviation College, TWI Technology, Azmida Technical College, NAZA Academy (Automotif), Fansuria Sdn Bhd, Think Big Resources Sdn Bhd, Mutiara Technology Centre Sdn Bhd, IT Gets Solution (Animasi 3D), Moca Resources (Oil & Gas, Scarfolding), Macatronic (Automotif), Auto Prima College (Automotif), Auto Prima College, dan mangkukting.com.

Dalam kerjasama ini, Pusat

Zakat Kelantan dan Zakat Perlis menyediakan tanah di negeri

masing-masing untuk mengumpulkan

asnaf dan menjalankan

aktiviti pertanian secara berkelom-

pok, manakala LZS menyediakan

modal dan keparakan, di samping

memberikan bantuan, bimbingan

dan kemahiran bersama dengan

agensi-agensi lain yang berkaitan.

Dalam pendekatan yang ketiga,

Pusat-Pusat Pengurusan Zakat

di Malaysia lebarnya yang diberikan ialah

kemahiran automatik, kimpalan,

hawa dingin, imbasan, pembedaan,

blasting and painting, back

hoe loader (jentera berat), solar,

masakan, jahitan, dan lain-lain.

Hampir kesemuanya Pusat-Pusat

Pengurusan Zakat di Malaysia

lebih memilih untuk bekerjasama

dengan agensi-agensi luar ini ber-

banding dengan menubuhkan

dan mengendalikan pusat-pusat

latihan kemahiran sendiri. Mere-

ka mempunyai dua sebab utama.

Pertama, agensi-agensi luar ini mempunyai kemahiran yang mendalam dalam bidang-bidang yang ditawarkan. Dan kedua, kos kerjasama pula secara relatifnya adalah lebih murah berbanding dengan sekiranya Pusat-Pusat Pengurusan Zakat menubuh dan mengendalikan pusat-pusat latihan kemahiran sendiri.

Pihak yang mengendalikan ketiga-tiga bentuk pendekatan ekonomi asnaf di atas adalah berbeza antara satu Pusat Pengurusan Zakat dengan Pusat Pengurusan Zakat yang lain. Misalnya, ada sesesetnya Pusat Pengurusan Zakat menyerahkan tanggungjawab ekonomi asnaf ini kepada Unit Ekonomi di Pusat Pengurusan Zakat mereka. Ada pula yang menyerahkan kepada Bahagian Pembangunan Asnaf.

Dalam banyak-banyak kaedah pengendalian zakat ini, Lembaga Zakat Selangor (LZS) adalah yang agak paling unik. LZS menyerahkan urusan pembangunan ekonomi ini kepada satu badan khusus di luar LZS. Badan ini bernama TERAJU Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS)(Selangor), yakni sebuah badan yang terletak di

bawah Majlis Ugama Islam Selangor (MUIS), seperti juga dengan Lembaga Zakat Selangor ini sendiri.

Satu lagi Pusat Pengurusan Zakat yang cuba mengendalikan urusan pembangunan asnaf seperti Lembaga Zakat Selangor ini ialah Zakat Perlis melalui pembinaan Akademi Transformasi Asnaf. Tujuannya ialah untuk mengendalikan aktiviti latihan, kemahiran dan sebagainya untuk asnaf dan anak-anak asnaf.

Segala usaha ekonomi Pusat-Pusat Pengurusan Zakat ini walau bagaimanapun tidak mempunyai apa-apa falsafah atau teori ekonomi yang jelas. Yang paling popular ialah falsafah atau teori "ikan dan joran". Dalam falsafah atau teori ini,

Pusat-Pusat Pengurusan Zakat berpegang kepada keyakinan bahawa memberi "joran", mengajar menggunakan "joran" dan memberitahu di mana "joran" tersebut patut digunakan adalah lebih baik daripada hanya memberi "ikan". Maksudnya, adalah lebih baik memberi alat, kemahiran dan strategi menggunakanannya kepada asnaf untuk mereka gunakan dalam membangunkan ekonomi mereka sendiri masing-masing, daripada hanya memberi benda yang bersifat pakai habis.

Kesemua dapatan penyelidikan ini sangat bermanfaat bagi ZPP membiaya pendekatan dan strategi pembangunan asnaf yang inovatif dan berkesan. Sebahagian daripada pelan tindakan yang dicadangkan oleh penyelidikan ini sedang dipertimbangkan untuk dilaksanakan.

MUTIARA
AMILIN



Profesor Dr Muhammad Syukri Salleh adalah Ahli Lembaga Pengarah ZPP dan Profesor Pengurusan Pembangunan Islam di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.
Emel: syukri54@gmail.com